

06 OCT 1998  
Ka Ting-Kad  
KAD SERBAGUNA DIKELUARKAN NOVEMBER TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Fasa pertama penggunaan Kad Serbaguna dijangka bermula pada November tahun depan dengan hanya membabitkan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) jika segala rancangan berjalan mengikut jadual.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting berkata, percubaan menggunakan kad itu sedang dilakukan untuk mengatasi masalah teknikal kerana projek itu sangat teknikal dan perlu dilaksanakan secara berhati-hati.

Kerajaan masih mengkaji implikasi kad berkenaan bagi memberi kemudahan kepada rakyat yang mana mereka boleh menggunakan kad itu bagi pelbagai tujuan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Kad Pintar 1998 di sini, hari ini.

Penggunaan kad serbaguna yang berperanan sebagai kad pengenalan, lesen memandu, pasport, kad perubatan dan E-cash dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan dijangka dapat diperluaskan ke seluruh negara pada 2001, katanya.

Beliau berkata, kad itu merupakan kad pengenalan kepada rakyat negara ini manakala bagi kegunaan seperti lesen memandu, pasport, kad perubatan dan E-cash hanya akan dilaksanakan menerusi permohonan.

Pemohon kad berkenaan tetap akan dikenakan bayaran berpatutan seperti Kad Pengenalan Bermutu Tinggi yang perlu dibayar tetapi kerajaan tidak mewajibkan kad itu dan rakyat yang ingin mendapatkannya perlu mengemukakan permohonan.

Mengenai Kad Pengenalan Bermutu Tinggi, beliau berkata, 99 peratus daripada rakyat negara ini telah menukar kad pengenalan lama mereka kepada yang bermutu tinggi dan mereka yang belum, dikenal pasti masih berada di luar negara atau di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Ong juga berkata kerajaan memberi jaminan tidak akan menyekat kebebasan penggunaan Internet walaupun terdapat kejadian penyebaran khabar angin menerusi kemudahan teknologi maklumat itu.

Kerajaan masih berpegang kepada janji semasa cadangan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu memberi kebebasan kepada penggunaan teknologi maklumat, kata beliau.

Kerajaan sukar mengawasi khabar angin dan maklumat yang tidak tepat boleh menjejaskan keamanan dan keselamatan menerusi internet kerana tidak ada kuasa untuk berbuat demikian, katanya.

Polis hanya bertindak dengan membuat penyiasatan sekiranya internet disalahgunakan untuk tujuan tidak baik seperti menimbulkan khabar angin yang boleh mencetuskan ketegangan perkauman, katanya.

Beliau berkata, penyiasatan itu bagaimanapun tidak bermakna kerajaan menyekat kebebasan pengguna internet.

"Mereka yang takut atau mendakwa tidak ada kebebasan sebenarnya mempunyai niat yang tidak baik atau udang di sebalik batu," katanya.

Hampir 99 peratus penggunaan internet bertujuan mendapatkan pengetahuan dan maklumat berhubung isu semasa, ekonomi, kajian, rujukan dan akademik.

Sementara itu beliau yakin Perhimpunan Perdana Bersama Perdana Menteri yang dianjurkan Umno pada Sabtu ini di Stadium Nasional Bukit Jalil tidak akan menimbulkan masalah walaupun terdapat penyebaran risalah mendakwa Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) juga akan mengadakan perhimpunan di beberapa tempat di sini.

Polis akan mengawasi perhimpunan berkenaan dan akan mengambil tindakan

sekiranya tercetus kejadian yang menimbulkan ketegangan dan mengganggu ketenteraman awam.

-- BERNAMA

RZS PR